



# Weir ShareBuilder

BEKERJASAMA DEMI KEJAYAAN  
KITA BERSAMA

Soalan Lazim





# Soalan Lazim Weir ShareBuilder

## BAHAGIAN 1: WEIR SHAREBUILDER – PENTING

Apakah Weir ShareBuilder?  
Apakah Anugerah Saham Percuma?  
Apakah Anugerah Saham Percuma "Nosional"?  
Apakah faedah menjadi Pemegang Saham Weir?  
Adakah saya layak untuk satu Anugerah Weir ShareBuilder?

## BAHAGIAN 2: SOALAN UNTUK PESERTA SHAREBUILDER

Bilakah saya akan menerima saham saya?  
Mengapakah saya perlu menunggu dua tahun sebelum menerima saham saya?  
Apakah yang perlu saya lakukan?  
Berapa banyak saham yang bakal saya terima?  
Di manakah boleh saya lihat anugerah ShareBuilder saya?

## BAHAGIAN 3: MANFAAT ANDA SEBAGAI PEMEGANG SAHAM

Berapakah nilai saham yang bakal saya miliki?  
Bagaimanakah boleh saya terima saham saya?  
Di manakah boleh saya lihat dan urus saham saya?  
Apakah yang akan berlaku jika saya meninggalkan Weir?  
Bolehkah saya menjual saham saya?

## BAHAGIAN 4: CARA SAYA BOLEH LIHAT SAHAM SAYA

Siapakah Computershare?  
Bagaimanakah boleh saya akses portal EquatePlus?  
Adakah terdapat aplikasi mudah alih untuk EquatePlus?  
Saya lupa log masuk/kata laluan saya untuk portal EquatePlus - siapakah yang harus saya hubungi untuk mengakses portal tersebut?  
Bagaimanakah boleh saya gunakan EquatePlus?

## BAHAGIAN 5: POTONGAN CUKAI

Saya dengar saham tersebut dikenakan cukai pegangan - bagaimanakah ia akan dipotong?  
Bilakah saya akan dikenakan cukai ke atas saham ini?

## BAHAGIAN 6: HUBUNGAN

# SOALAN LAZIM WEIR SHAREBUILDER

## BAHAGIAN 1: WEIR SHAREBUILDER – PENTING

### Apakah Weir ShareBuilder?

Weir ShareBuilder ialah pelan saham semua pekerja kami. Ia cara yang mudah untuk anda memiliki sebahagian daripada Weir. Pekerja yang layak diberikan Anugerah Saham Percuma, terdiri daripada sebilangan saham di Weir, tanpa sebarang kos kepada anda.

### Apakah Anugerah Saham Percuma?

Anugerah Saham Percuma memberi anda hak untuk diberikan saham pada masa akan datang jika anda kekal bekerja di Weir. Anugerah Saham Percuma pertama kami melalui Weir ShareBuilder telah diberikan pada bulan Mei 2019. Kini, kami mempunyai ribuan pekerja di seluruh dunia yang juga merupakan pemegang saham.

### Apakah Anugerah Saham Percuma "Nosional"?

Anugerah "nosional" ialah anugerah yang sama seperti Anugerah Saham Percuma, cuma perbezaannya ialah anda akan menerima bayaran tunai (selepas potongan cukai, jika berkenaan) sebagai ganti saham. Sebagaimana Anugerah Saham Percuma, anda akan menerima bayaran tunai pada masa hadapan jika anda masih bekerja di Weir.

### Apakah faedah menjadi Pemegang Saham Weir?

Setelah anugerah anda diberikan, anda akan menjadi Pemegang Saham Weir.

Sebagai pemegang saham dalam perniagaan kami, anda mempunyai peranan penting dalam membentuk masa depan kita. Bersama-sama, kita ialah pemilik bersama Weir, melabur dalam kejayaan masa kini dan masa depan kita - tiada sesiapa yang mendapat manfaat lebih banyak daripada pencapaian kita selain kita sendiri!

Sebagai pemegang saham, anda berhak mengundi semasa AGM kita. Pemegang saham boleh mengundi untuk perkara seperti pelantikan semula ahli Lembaga Pengarah atau menerima laporan tahunan dan akaun kita. Anda tidak perlu menghadiri AGM untuk mengundi.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari [www.global.weir/investors/shareholder-information](http://www.global.weir/investors/shareholder-information)

*Juga, jika syarikat kita membuat keuntungan, kami mungkin memutuskan untuk berkongsi sebahagian daripada keuntungan ini dengan para pemegang saham kami dalam bentuk dividen. Jika mencukupi, Computershare akan melabur semula apa-apa dividen atas saham Weir ShareBuilder anda untuk membeli saham tambahan bagi pihak anda yang akan meningkatkan pegangan saham anda di Weir.*

### Adakah saya layak untuk satu Anugerah Weir ShareBuilder?

Anda akan layak mendapat satu anugerah ShareBuilder baharu jika anda memenuhi kriteria berikut:

- Anda bekerja dengan Weir selama sekurang-kurangnya setahun pada hari sebelum Anugerah diberikan yang biasanya pada bulan Mei.
- Anda ialah pekerja sepenuh masa atau sambilan.
- Anda tidak menerima Anugerah Saham Terhad di bawah Pelan Ganjaran Saham pada tahun kalender yang sama.
- Anda tidak menerima Anugerah dilaburkan atau pada masa ini tidak memegang Anugerah tidak dilaburkan di bawah Pelan ShareBuilder.




# SOALAN LAZIM WEIR SHAREBUILDER

## BAHAGIAN 2: SOALAN UNTUK PESERTA SHAREBUILDER

### Bilakah saya akan menerima saham saya?

Jadual anugerah Weir ShareBuilder adalah seperti berikut:



Selepas saham anda diberikan, anda akan menjadi Pemegang Saham dan pemilik bersama dalam perniagaan kami.

### Mengapakah saya perlu menunggu dua tahun sebelum menerima saham saya?

Tempoh ini dikenali sebagai "vesting period" (tempoh letak hak) dan merupakan sebahagian daripada terma dan syarat pelan.

### Apakah yang perlu saya lakukan?

Buat masa ini, anda tidak perlu melakukan apa-apa untuk menerima anugerah ShareBuilder anda. Secara automatik ia akan diperuntukkan kepada anda. Pastikan anda mengikut arahan pendaftaran dan log masuk EquatePlus apabila anda menerima anugerah ini, supaya anda dapat memahami cara menggunakan sistem tersebut dan dapat melihat anugerah ShareBuilder anda dalam akaun anda. (Lihat bahagian 4 untuk keterangan lanjut).

### Berapa banyak saham yang bakal saya terima?

Setiap orang yang layak di dalam syarikat akan diberi bilangan saham yang sama, walau apa juga jawatan mereka.



Nilai anugerah ialah £300 atau setara dengan mata wang tempatan. Bilangan tepat saham yang anda terima akan bergantung pada harga saham semasa pemberian anugerah.

### Di manakah boleh saya lihat anugerah ShareBuilder saya?

Dengan mendaftar dan log masuk ke portal EquatePlus, anda dapat melihat anugerah anda dan mengurus saham yang diberikan kepada anda secara dalam talian.

## BAHAGIAN 3: MANFAAT ANDA SEBAGAI PEMEGANG SAHAM

### Berapakah nilai saham yang bakal saya miliki?

Nilai saham tersebut ialah £300 (atau setara dengan mata wang tempatan) pada saat pemberian anugerah. Nilai saham anda selepas itu bergantung pada harga saham pada bila-bila masa yang tertentu. Weir Group PLC disenaraikan di Bursa Saham London dan anda dapat melihat nilai semasa saham Weir melalui [Londonstockexchange.com](http://Londonstockexchange.com). Ingat bahawa nilai saham di pasaran saham boleh naik dan turun, bergantung pada prestasi syarikat, serta hal ehwal dunia dan ekonomi.

### Bagaimanakah boleh saya terima saham saya?

Jika anda layak untuk Weir ShareBuilder, Computershare, rakan pentadbiran pelan saham kami, akan menyimpan butiran anugerah ShareBuilder anda dan juga akan memegang saham tersebut bagi pihak anda. Mana-mana pekerja yang diberi saham oleh Weir akan diberi butiran lengkap tentang cara mereka boleh mengakses dan melihat akaun EquatePlus dalam talian mereka ketika hampir tiba waktu anugerah ShareBuilder.


# SOALAN LAZIM WEIR SHAREBUILDER

## Di manakah boleh saya lihat dan urus saham saya?

Sebagai sebahagian daripada cara anda boleh mengurus saham anda, anda akan diberi akses kepada portal pelan saham yang dipanggil EquatePlus. Portal ini dikendalikan oleh Computershare, rakan pentadbir pelan saham kami.

Portal EquatePlus akan membolehkan anda:

- Lihat anugerah ShareBuilder anda.
- Lihat dan urus saham yang diberikan kepada anda secara dalam talian.
- Lihat dokumentasi lain yang berkaitan dengan saham anda.



| WEIR GROUP ORD SHARE   |                 |                |                 |                 |          |                 |                   |              |              |    |          |       |  |  |    |          |
|--|-----------------|----------------|-----------------|-----------------|----------|-----------------|-------------------|--------------|--------------|----|----------|-------|--|--|----|----------|
| Quantity   | Estimated value |                |                 |                 |          |                 |                   |              |              |    |          |       |  |  |    |          |
| 18   | £ 341.19        |                |                 |                 |          |                 |                   |              |              |    |          |       |  |  |    |          |
| Market price £ 18.955 as of Jun 8, 2021 (London Stock Exchange)  |                 |                |                 |                 |          |                 |                   |              |              |    |          |       |  |  |    |          |
| <table border="1"><thead><tr><th>Plan</th><th>Allocation date</th><th>Available from</th><th>Quantity</th><th>Estimated value</th></tr></thead><tbody><tr><td>Weir ShareBuilder</td><td>Nov 19, 2020</td><td>Nov 19, 2022</td><td>18</td><td>£ 341.19</td></tr><tr><td>Total</td><td></td><td></td><td>18</td><td>£ 341.19</td></tr></tbody></table> |                 | Plan           | Allocation date | Available from  | Quantity | Estimated value | Weir ShareBuilder | Nov 19, 2020 | Nov 19, 2022 | 18 | £ 341.19 | Total |  |  | 18 | £ 341.19 |
| Plan   | Allocation date | Available from | Quantity        | Estimated value |          |                 |                   |              |              |    |          |       |  |  |    |          |
| Weir ShareBuilder  | Nov 19, 2020    | Nov 19, 2022   | 18              | £ 341.19        |          |                 |                   |              |              |    |          |       |  |  |    |          |
| Total  |                 |                | 18              | £ 341.19        |          |                 |                   |              |              |    |          |       |  |  |    |          |

**CONTOH SAHAJA:** Gambar menunjukkan contoh tangkapan skrin semasa anda log masuk ke EquatePlus. Perhatikan bahawa anggaran nilai akan berbeza-beza mengikut harga saham semasa Weir Group dan mata wang akan berbeza-beza bergantung pada pilihan yang anda tetapkan semasa kali pertama anda log masuk ke EquatePlus.

Anda juga boleh mengakses EquatePlus dan ShareBuilder anda melalui aplikasi mudah alih. Apabila anda telah mencipta akaun dalam talian melalui EquatePlus, anda boleh memuat turun aplikasi EquatePlus daripada "Apple Store" atau "Google Play" dan mengakses akaun anda dengan maklumat log masuk EquatePlus anda.



Aplikasi mudah alih memberi anda fleksibiliti untuk melihat dan mengurus ShareBuilder anda dan saham yang diberikan kepada anda di mana-mana sahaja.

## Apakah yang akan berlaku jika saya meninggalkan Weir?

Jika anda meninggalkan Weir dengan alasan apa pun, anda akan kehilangan hak untuk menerima sebarang saham di bawah Anugerah Saham Percuma yang belum diletakkan hak dan dipindahkan kepada anda. Jika semasa meninggalkan Weir anda sudah menerima saham, anda boleh memilih untuk menyimpan saham itu dan terus menjadi pemegang saham di Weir atau pun menjualnya - pilihan terserah kepada anda dan tidak perlu dibuat pada saat anda meninggalkan Weir. Anda masih dapat mengakses EquatePlus di [www.equateplus.com](http://www.equateplus.com) menggunakan ID Pengguna dan Kata Laluan anda untuk mengurus saham yang diberikan kepada anda dan mengakses sokongan daripada Computershare.

Amalan yang baik ialah memastikan anda menyimpan maklumat hubungan peribadi anda dalam profil EquatePlus anda juga. Sebelum anda meninggalkan Weir, anda harus memastikan bahawa dalam EquatePlus, alamat e-mel peribadi anda dipilih sebagai alamat e-mel pilihan anda.

## Bolehkah saya menjual saham saya?

Kami berharap anda akan memilih untuk menjadi pemilik dan pelabur jangka panjang dalam syarikat kami, tetapi setelah saham anda diletakkan hak dan dipindahkan kepada anda, ia menjadi milik anda untuk disimpan atau dijual dan anda boleh melakukan perkara ini dengan log masuk ke akaun anda pada sistem EquatePlus.

Anda boleh menjelaki harga saham kami melalui [Londonstockexchange.com](http://Londonstockexchange.com)

## BAHAGIAN 4: CARA SAYA BOLEH LIHAT SAHAM SAYA

### Siapakah Computershare?

Computershare ialah pentadbir pelan saham terbesar di dunia dan menyediakan perkhidmatan kepada banyak syarikat global seperti Weir. Mereka menyimpan butiran tentang anugerah saham pekerja kami dan menjaga saham yang diberikan kepada pekerja, yang masing-masing menerima akaun Pelan Saham mereka sendiri.

Maklumat lanjut boleh didapati di laman web mereka - [https://www.computershare.com](http://www.computershare.com)

## Bagaimakah boleh saya akses portal EquatePlus?

Computershare akan menyediakan akses anda dan akan menghantar 2 e-mel kepada anda. E-mel pertama ialah "Welcome email" (E-mel alu-aluan) yang akan mengandungi ID Pengguna anda. E-mel kedua akan mengandungi kata laluan anda. Apabila anda log masuk ke portal untuk kali pertama, anda akan diminta untuk menukar kata laluan anda dan melengkapkan beberapa soalan keselamatan tambahan. Soalan tambahan ini akan membolehkan anda menetapkan semula kata laluan anda jika anda terlupa kata laluan itu pada masa akan datang.

Anda boleh mengakses portal EquatePlus dengan log masuk di [www.equateplus.com](http://www.equateplus.com) menggunakan maklumat ini.



# SOALAN LAZIM WEIR SHAREBUILDER

Anda juga boleh mengakses EquatePlus melalui daftar diri tunggal jika anda log masuk menggunakan alamat e-mel @mail.weir anda. Sila klik pada pautan berikut untuk [log masuk ke sistem EquatePlus menggunakan daftar diri tunggal](#).

## Adakah terdapat aplikasi mudah alih untuk EquatePlus?

Anda boleh mengakses EquatePlus dan ShareBuilder anda melalui aplikasi EquatePlus. Apabila anda telah mencipta akaun dalam talian melalui portal EquatePlus, muat turun aplikasi daripada "Apple Store" atau "Google Play" dan akses akaun anda dengan maklumat log masuk EquatePlus anda.

Aplikasi mudah alih memberi anda fleksibiliti untuk melihat dan mengurus ShareBuilder anda dan saham yang diberikan kepada anda di mana-mana sahaja. Ikuti perkembangan nilai portfolio anda dan sentiasa berhubung dengan acara ShareBuilder yang berkaitan.

## Saya lupa log masuk/kata laluan saya untuk portal EquatePlus - siapakah yang harus saya hubungi untuk mengakses portal tersebut?

Sila layari [www.equateplus.com](http://www.equateplus.com) dan ikut pautan "Forgot User ID" (Lupa ID Pengguna) dan "Forgot password" (Lupa kata laluan).

Harap maklum bahawa portal EquatePlus menawarkan pilihan bahasa automatik iaitu termasuk bahasa Inggeris, Jerman, Sepanyol, Perancis, Itali, Belanda, Portugis Brazil dan Cina Ringkas.

## Bagaimanakah boleh saya gunakan EquatePlus?

Bantuan dan panduan pengguna boleh didapati di bahagian "Help" (Bantuan) portal setelah anda log masuk.

## BAHAGIAN 5: POTONGAN CUKAI

### Saya dengar saham tersebut dikenakan cukai pegangan - bagaimanakah ia akan dipotong?

Di beberapa negara\*, Weir mempunyai kewajipan mandatori untuk memotong cukai apabila anugerah ShareBuilder diberikan dan saham dipindahkan kepada anda. Dalam keadaan ini, kami akan memotong cukai (dan keselamatan sosial jika diperlukan) yang berpatutan yang akan dibayar berdasarkan nilai saham terletak hak dengan memproses potongan ini melalui gaji anda yang berikutnya. Oleh itu, ini akan ditunjukkan sebagai pemotongan kepada anda dan anda mungkin mendapat gaji bersih yang lebih rendah daripada biasa bagi gaji tertentu – namun begitu anda mempunyai nilai penuh saham terletak hak yang disimpan dalam akaun EquatePlus anda. Kami akan membayar cukai kepada pihak berkuasa cukai yang berkenaan.

\*Perhatikan bahawa ini merupakan kes untuk pekerja di kebanyakan negara kita. Untuk negara-negara yang selebihnya, sama ada tidak ada peristiwa yang boleh dikenakan cukai atau undang-undang cukai negara menghendaki cukai tersebut diselesaikan oleh individu melalui penyata cukai mereka. Dalam keadaan ini, anda bertanggungjawab menyelesaikan sebarang tanggungan untuk membayar cukai (dan keselamatan sosial jika diperlukan) yang timbul kerana penyertaan anda dalam ShareBuilder.

## Bilakah saya akan dikenakan cukai ke atas saham ini?

Anda tidak perlu membayar cukai saham anda sehingga mereka meletakkan hak.

Sila ambil perhatian bahawa, di banyak negara, jumlah kasar bagi sebarang dividen yang diterima berkenaan dengan saham Weir ShareBuilder anda akan dikenakan cukai pendapatan, walaupun terdapat pelaburan semula dividen tersebut dalam saham Weir tambahan oleh Computershare. Dalam kes sebegini, anda bertanggungjawab menyelesaikan sebarang tanggungan untuk membayar cukai melalui penyata cukai individu anda.

Anda akan diberi maklumat lanjut tentang pemotongan cukai pada waktu yang sesuai.

Proses cukai yang dijelaskan dalam dokumen Soalan Lazim ini diberikan untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai lengkap atau muktamad. Untuk mendapatkan nasihat yang pasti, pekerja harus berunding dengan penasihat cukai mereka sendiri tentang kesan cukai terhadap penyertaan dalam ShareBuilder.

## BAHAGIAN 6: HUBUNGAN

Jika anda mempunyai pertanyaan lain, sila hubungi pasukan Weir Share Plans melalui [shareplans@mail.weir](mailto:shareplans@mail.weir). Jika terdapat percanggahan antara dokumen Soalan Lazim Weir ShareBuilder ini dengan Peraturan Pelan, Peraturan Pelan akan digunakan.

